

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Dear Customer,

This Product Disclosure Sheet (PDS) provides you with key information on your **ATLAS Savings Account-i**. Other customers have read this PDS and found it helpful, **you should read it too**.

EN BM



Date: _____

WHAT IS ATLAS SAVINGS ACCOUNT-i (TAWARRUQ)?

ATLAS Savings Account-i (ATLAS SA) is a Shariah compliant product. It opens to all Malaysians citizen and permanent residents. **This deposit product is protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) up to RM 250,000 for each depositor.** ATLAS Savings Account-i can be accessed through the ATLAS by Bank Muamalat Malaysia Berhad (ATLAS) platform only.

The product is structured under the concept of Tawarruq and employs a hybrid of Shariah contracts including Murabahah, Wakalah, Wa'd and Hamish Jiddiyah.

Under the Wakalah contract, the customer appoints Bank Muamalat Malaysia Berhad (the "Bank") as a dual agent to purchase and sell Shariah-compliant commodities ("Commodity") at a specified time on behalf of the customer. The customer will purchase the Commodity (via the Bank as agent) from a supplier at a Purchase Price and thereafter sell the Commodity (via the Bank as agent) to the Bank at a Sale Price on a Murabahah (cost-plus) basis. The Sale Price will be paid by the Bank to the customer on a deferred basis.

The Bank will then sell the Commodity to a third party on a cash basis, and the cash proceeds will be treated as a deposit placement by the customer. The customer may request to take possession and delivery of the purchased Commodity, in which case all related costs and expenses shall be borne solely by the customer.

KNOW YOUR OBLIGATIONS

Illustration of ATLAS SA Calculation

$$\begin{aligned} \text{Actual Profit} &= \text{End of Day Balance} * \text{EPR} * 1 / 365 \text{ or } 366 \\ &= \text{RM } 1,000 * 2\% * 1/365 = \text{RM } 0.05 \end{aligned}$$

Whereby;

$$\begin{aligned} \text{End Day Balance} &= \text{Total balance at the end of the day} \\ &\quad \text{Example: RM } 1,000 \\ \text{EPR} &= \text{Effective Profit Rate which will be published by the Bank} \\ &\quad \text{from time to time.} \\ &\quad \text{Example: } 2\% \end{aligned}$$

It is your responsibilities to:



Read and understand the **key terms** in the **contract** before you sign it.



Contact us immediately, if you encounter any problem with your account.

Transaction	Fee*
Balance to be absorbed as a service fee for Dormant Account	
- Service charge	RM 10.00 and below
Yearly Dormant Charges with a balance above RM 10.00	
- Service charge	RM 10.00

- Kindly refer to our website at www.atlasmuamalat.com.my for details of fees and charges.
- *The fees and charges are subject to the service tax (8%) imposed under the Service Tax Act 2018 (as amended), where applicable.

Ibra'/Rebate

A rebate (Ibra') will be granted if funds are withdrawn or the account is terminated before maturity, or when the profit charged is higher than the actual profit earned.



KNOW YOUR RISKS

What are the major risks?

You shall experience the risks associated with conducting a deposit transaction to conduct such transactions with any banking institution.

OTHER KEY TERMS

- a) No minimum balance is required to maintain this account.
- b) However, if no transaction is made within ninety (90) days from the account opening date, your account will be automatically closed by the Bank.
- c) The appointment of the Bank as an agent under the Wakalah contract shall be terminated upon full withdrawal (closure of account), upon which, the Sale Price shall be accelerated and the Bank shall pay the outstanding Sale Price such as deposit amount and any accrued profit (if applicable), taking into consideration the applicable rebate, if any, to the customer on the withdrawal date.

If you have any questions or require assistance with your ATLAS Savings Account-i, you can:



call us at:
03 – 2021 5888



Visit us at:
[ATLAS Savings Account-i](#)



email us at:
ask@atlasmuamalat.com.my

Customer's Acknowledgment*

Ensure you are filling this section yourself and are aware of what you are placing your signature

- ☐ I acknowledge that Bank Muamalat Malaysia Berhad has provided me with a copy of the PDS.
- ☐ I have read and understood the key information contained in this PDS.

**A customer's acknowledgement of this PDS shall not prejudice their rights to seek redress in the event of subsequent dispute over the product terms and conditions.*

Name:

Date:

IMPORTANT NOTE:

ATLAS SAVINGS ACCOUNT-i IS PROTECTED BY PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) UP TO RM 250,000 FOR EACH DEPOSITOR.

The information provided in this product disclosure sheet is valid effective: **13 July 2026**

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini menyediakan maklumat penting tentang **Akaun Simpanan-i ATLAS** anda. Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia bermanfaat, **anda juga harus membacanya**.

EN BM



Tarikh: _____

APAKAH ITU AKAUN SIMPANAN-i ATLAS (TAWARRUQ)?

Akaun Simpanan-i ATLAS (AS ATLAS) ialah produk yang berlandaskan Syariah. Produk ini adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia dan penduduk tetap. **Akaun deposit ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit.** Akaun Simpanan-i ATLAS hanya boleh diakses melalui Platform ATLAS oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad (ATLAS) sahaja.

Produk ini distrukturkan di bawah konsep Tawarruq dan menggunakan gabungan kontrak Syariah termasuk Murabahah, Wakalah, janji (Wa'd) dan Hamish Jiddiyah.

Di bawah kontrak Wakalah, pelanggan melantik Bank Muamalat Malaysia Berhad ("Bank") sebagai dwi-ejen untuk membeli dan menjual komoditi patuh Syariah ("Komoditi") pada masa tertentu bagi pihak pelanggan. Pelanggan akan membeli Komoditi (melalui Bank sebagai ejen) daripada pembekal pada Harga Belian, kemudian menjual Komoditi tersebut (melalui Bank sebagai ejen) kepada Bank pada Harga Jualan secara Murabahah (kos tambah). Harga Jualan ini akan dibayar oleh Bank kepada pelanggan secara tertangguh.

Selepas itu, Bank akan menjual Komoditi tersebut kepada pihak ketiga secara tunai, dan hasil tunai berkenaan akan dianggap sebagai penempatan deposit pelanggan. Pelanggan juga berhak untuk mengambil milikan dan penghantaran Komoditi yang dibeli, dengan syarat semua kos dan perbelanjaan berkaitan ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan.

KETAHUI TANGGUNGJAWAB ANDA

Ilustrasi Pengiraan AS ATLAS

Keuntungan Sebenar	=	Baki Penghujung Hari * KKE * 1 / 365 atau 366
	=	RM 1,000 * 2% * 1/365 = RM 0.05
Yang mana;		
Baki Penghujung Hari	=	Jumlah baki pada penghujung hari. Contoh: RM 1,000
KKE	=	Kadar Keuntungan Efektif yang akan dipaparkan oleh pihak Bank daripada semasa ke semasa. Contoh: 2%

Transaksi	Fi*
Baki akan diserap sebagai yuran perkhidmatan untuk Akaun Tidak Aktif - Caj servis	RM 10.00 dan ke bawah
Caj Tahunan Akaun Tidak Aktif - Caj servis	RM 10.00

- Sila rujuk laman sesawang kami di www.atlasmuamalat.com.my untuk maklumat lanjut berkenaan yuran dan caj.
- *Fi dan caj adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan (8%) yang dikenakan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (sebagaimana yang dipinda), jika berkenaan.

Ibra' / Rebate

Rebate (Ibra') akan diberikan sekiranya dana dikeluarkan atau akaun ditamatkan sebelum tarikh matang, atau apabila keuntungan yang dikenakan lebih tinggi daripada keuntungan sebenar.

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.



Segera hubungi kami, jika anda menghadapi sebarang kesukaran untuk akses akaun anda.



KETAHUI RISIKO ANDA

Apakah risiko yang perlu diketahui?

Anda akan mengalami risiko yang berkaitan dengan melaksanakan transaksi deposit untuk melaksanakan transaksi tersebut dengan mana-mana institusi perbankan.

TERMA UTAMA LAIN

- a) Tiada baki minimum yang perlu dikekalkan di dalam Akaun.
- b) Walau bagaimanapun, jika tiada transaksi dibuat dalam tempoh sembilan puluh hari (90) hari dari tarikh pembukaan akaun, akaun anda akan ditutup secara automatik oleh Bank.
- c) Perlantikan Bank sebagai ejen di bawah kontrak Wakalah akan ditamatkan semasa pengeluaran penuh (penutupan akaun) di mana, Harga Jualan akan dibayar lebih awal dan pihak Bank hendaklah membayar baki Harga Jualan iaitu amaun deposit dan sebarang keuntungan terakru (jika berkenaan), mengambil kira pemberian rebat, jika ada, kepada pelanggan pada tarikh pengeluaran.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan Akaun Simpanan-i ATLAS, anda boleh:



Hubungi kami di:
03 - 2021 5888



Layari kami di:
[Akaun Simpanan-i ATLAS](#)



E-mel kami melalui:
ask@atlasmuamalat.com.my

Perakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- ☐ Saya mengakui Bank Muamalat Malaysia Berhad telah memberikan kepada saya salinan RPP.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RPP ini.

**Perakuan Pelanggan ke atas RPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk.*

Nama: _____

Tarikh: _____

NOTA PENTING:

AKAUN SIMPANAN-i ATLAS ADALAH DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) SETAKAT RM 250,000 BAGI SETIAP PENDEPOSIT.

Maklumat yang diberikan di dalam risalah pendedahan produk ini adalah sah pada : **13 Julai 2026**

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Dear Customer,

This Product Disclosure Sheet (PDS) provides you with key information on your **ATLAS Virtual Debit Card-i**. Other customers have read this PDS and found it helpful, **you should read it too**.

EN BM



Date: _____

WHAT IS ATLAS VIRTUAL DEBIT CARD-i?

ATLAS Virtual Debit Card-i ("the Card") is a payment instrument based on the Shariah concept of Ujrah. Ujrah refers to a payment (fee on service) in exchange for services rendered.

The Card allows payment for the goods and/or services purchased at the participating retail and service outlets via debit card which will be deducted directly from your deposit account.

You are required to maintain a deposit account with us, to be linked to your ATLAS Virtual Debit Card-i. The Card will be linked to your ATLAS Savings Account-i ("ATLAS SA") whereby the transacted amount will be deducted/ debited directly from the designated ATLAS SA account. If you choose to close your deposit account maintained with us, your Card will be automatically cancelled and terminated.

Upon successful creation of an ATLAS Savings Account-i, you will automatically receive an ATLAS Virtual Debit Card-i, which can be used for online transactions and purchases on e-commerce platforms or for secure tokenized payments through digital wallets like Google Pay or Samsung Pay.

The ATLAS Virtual Debit Card-i will carry maximum of two functions: -

- Debit MasterCard function/application; and
- MyDebit function/application.

KNOW YOUR OBLIGATIONS

Fees and charges:

Transaction	Fee*
Issuance Fee - Virtual	Free
Annual Fee (year 2 thereafter) - Virtual	RM 12.00
Card Replacement/Renewal Fee - Virtual	Free

- Kindly refer to our website at www.atlasmuamalat.com.my for details of fees and charges.
- *The fees and charges are subject to the service tax (8%) imposed under the Service Tax Act 2018 (as amended), where applicable.

It is your responsibilities to:



Read and understand the **key terms** in the **contract** before you sign it.



Keep your **PIN** and **security credentials secure** at all times. Do not disclose your credentials to any person.



Contact us immediately, after having discovered the loss or unauthorized use of your Card.

Important Note:

The Card shall at all times remain the property of the Bank and shall be surrendered to the Bank immediately upon request with reasonable notice within seven (7) working days.

The Cardholder shall keep and use the Card himself and shall not transfer, pledge or otherwise use it as security for any credit transaction.

Key Terms on ATLAS Virtual Debit Card-i Usage and Authorisation

The Cardholder shall accept full responsibility for all transactions as binding and conclusive for all purposes and hereby authorise the Bank to debit the Cardholder's Account with the Cardholder's authority if the cardholder decides on the following:-

- Request the Bank to allow usage of the card for card-not-present transactions (for example online transactions) at merchants that do not support secure payment.
- Request the Bank to allow usage overseas.
- The Cardholder has the option to stop the above function by contacting our customer careline at 03-2021 5888 for ATLAS Debit Card-i.



KNOW YOUR RISKS

What happens if you fail to fulfil your obligations?

- a) You will be liable for losses arising from unauthorized transactions if the Bank can prove that you acted fraudulently, refused to cooperate with the Bank in its investigation, or failed to comply with your responsibilities and obligations under Clause 6.2 of these Terms and Conditions.
- b) You will be fully liable for PIN-based unauthorized transactions if you acted fraudulently, delayed in notifying the Bank, disclosed or recorded your PIN, or otherwise failed to safeguard it.
- c) You will be fully liable for signature-based or contactless unauthorized transactions if you acted fraudulently, delayed in notifying the Bank, left your Card unattended, or voluntarily allowed another person to use it.

OTHER KEY TERMS

- a) Pre-authorization for payment using the Card:-
 - i) Pre-authorization amount of RM 200 will be charged to your payment instrument account/banking account when you make payment using your Card at automated fuel dispenser. We will only post the exact amount of transaction and release any extra hold amount from your account within three (3) working days after the transaction date.
 - ii) Pre-authorization amount for transactions at hotel and hospital will be charged during check-in (depending on the duration of living) and the actual amount will be revised after settlement is made by the merchant. The pre-authorized amount shall be determined by the acquiring merchant and shall be held up to seven (7) days after the transaction date.
- b) This ATLAS Virtual Debit Card-i is blocked for overseas transactions by default. You must opt-in before you can use your Card for overseas transactions.
- c) You must notify us immediately:
 - Upon receiving transaction alert if the transaction was not authorised by you; and
 - When there is any change in your contact number
- d) If you failed to abide by the terms and conditions of your debit card-i, we have the right to terminate your Card.

If you have any questions or require assistance with your ATLAS Virtual Debit Card-i, you can:



call us at:
03 - 2021 5888



Visit us at:
[ATLAS Virtual Debit Card-i](#)



email us at:
ask@atlasmuamalat.com.my

Customer's Acknowledgment*

Ensure you are filling this section yourself and are aware of what you are placing your signature

- ☐ I acknowledge that Bank Muamalat Malaysia Berhad has provided me with a copy of the PDS.
- ☐ I have read and understood the key information contained in this PDS.

**A customer's acknowledgement of this PDS shall not prejudice their rights to seek redress in the event of subsequent dispute over the product terms and conditions.*

Name:

Date:

IMPORTANT NOTE:

PLEASE NOTIFY THE BANK IMMEDIATELY IF THERE IS UNAUTHORISED USE OR TRANSACTION OF YOUR CARD.

The information provided in this product disclosure sheet is valid effective: **13 July 2026**



RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini menyediakan maklumat penting tentang **Kad Debit-i Maya ATLAS** anda. Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia bermanfaat, **anda juga harus membacanya**.

EN BM



Tarikh: _____

APAKAH ITU KAD DEBIT-i MAYA ATLAS?

Kad Debit-i Maya ATLAS ("Kad") adalah merupakan instrumen pembayaran yang berdasarkan kepada konsep Syariah *Ujrah*. *Ujrah* merujuk kepada bayaran (fi ke atas perkhidmatan) sebagai pertukaran untuk perkhidmatan yang telah diberikan.

Kad ini membolehkan pembayaran bagi barangan dan/atau perkhidmatan yang dibeli di cawangan perniagaan dan perkhidmatan menggunakan kad debit yang akan ditolak daripada akaun deposit anda.

Anda dikehendaki mengekalkan akaun simpanan dengan kami, yang akan dihubungkan kepada Kad Debit-i Maya ATLAS anda. Kad tersebut akan dihubungkan dengan Akaun Simpanan-i ATLAS ("AS ATLAS") anda yang mana, amaun yang dicajkan akan ditolak/didebit secara langsung daripada akaun AS ATLAS yang terpilih. Jika anda memilih untuk menutup akaun deposit anda dengan kami, Kad anda akan dibatalkan dan ditamatkan secara automatik.

Setelah berjaya membuka Akaun Simpanan-i ATLAS, anda akan menerima Kad Debit-i Maya ATLAS secara automatik, yang boleh digunakan untuk transaksi dan pembelian dalam talian di platform e-dagang, atau untuk pembayaran selamat melalui pengewangan token menggunakan dompet digital seperti Google Pay atau Samsung Pay.

Kad Debit-i Maya ATLAS ini mempunyai dua fungsi seperti yang berikut:-

- Aplikasi/fungsi MasterCard Debit; dan
- Aplikasi/fungsi MyDebit.

KETAHUI TANGGUNGJAWAB ANDA

Fi dan caj:

Transaksi	Fi*
Fi Pengeluaran - Maya	Percuma
Fi Tahunan (tahun 2 dan seterusnya) - Maya	RM 12.00
Fi Penggantian/Pembaharuan Kad - Maya	Percuma

- Sila rujuk laman sesawang kami di www.atlasmuamalat.com.my untuk maklumat lanjut berkenaan yuran dan caj.
- *Fi dan caj adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan (8%) yang dikenakan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (sebagaimana yang dipinda), jika berkenaan.

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.



Pastikan **PIN** dan **maklumat keselamatan** anda sentiasa disimpan dengan selamat. Jangan dedahkan maklumat tersebut kepada mana-mana pihak.



Hubungi kami dengan segera, selepas anda mendapati Kad anda hilang atau telah digunakan tanpa kebenaran.

Nota Penting:

Kad ini akan sentiasa menjadi hakmilik Bank dan hendaklah diserahkan kepada Bank dengan serta-merta apabila diminta berserta notis yang bersesuaian dalam masa tujuh (7) hari bekerja.

Pemegang Kad hendaklah menyimpan dan menggunakan Kadnya sendiri dan tidak sepatutnya memindah, atau sebaliknya menggunakannya sebagai sekuriti bagi transaksi kredit.

Terma Utama bagi Penggunaan dan Kebenaran Kad Debit-i Maya ATLAS

Pemegang Kad akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk semua transaksi sebagai muhtamad dan mengikat untuk semua tujuan dan dengan ini membenarkan Bank untuk mendebit Akaun Pemegang Kad dengan kebenaran Pemegang Kad sekiranya Pemegang Kad memutuskan perkara-perkara seperti di bawah:-

- Memohon pihak Bank untuk membenarkan penggunaan Kad untuk transaksi Kad-tidak-pamer (sebagai contoh transaksi dalam talian) pada premis yang tiada jaminan pembayaran selamat.
- Memohon kepada pihak Bank untuk membolehkan penggunaan di luar negara tanpa perlu melalui satu proses pengaktifan seperti yang disyorkan oleh BNM.
- Pemegang Kad mempunyai pilihan untuk mematikan fungsi di atas kemudiannya dengan menghubungi khidmat pelanggan kami di talian 03-2021 5888 bagi Kad Debit-i ATLAS.



KETAHUI RISIKO ANDA

Apa yang akan berlaku sekiranya anda mengabaikan tanggungjawab anda?

- Anda akan bertanggungjawab terhadap kerugian yang timbul akibat transaksi tanpa kebenaran sekiranya Bank dapat membuktikan bahawa anda telah bertindak secara penipuan, enggan bekerjasama dengan Bank dalam siasatannya, atau gagal mematuhi tanggungjawab dan kewajipan anda sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Klausa 6.2 Terma dan Syarat ini.
- Anda akan bertanggungjawab sepenuhnya bagi transaksi tanpa kebenaran berasaskan PIN sekiranya anda bertindak secara penipuan, lewat memaklumkan kepada Bank, mendedahkan atau merekodkan PIN anda, atau gagal menjaganya dengan baik.
- Anda akan bertanggungjawab sepenuhnya bagi transaksi tanpa kebenaran yang menggunakan tandatangan atau Kad tanpa sentuh sekiranya anda bertindak secara penipuan, lewat memaklumkan kepada Bank, meninggalkan Kad tanpa pengawasan, atau secara sukarela membenarkan orang lain menggunakannya.

TERMA UTAMA LAIN

- Pra-kebenaran bagi pembayaran yang menggunakan Kad:-
 - Pra-kebenaran berjumlah RM 200 akan dikenakan kepada instrumen pembayaran akaun/perbankan akaun anda apabila anda membuat pembayaran menggunakan Kad anda pada dispenser bahan api automatik. Kami hanya akan mengemaskini jumlah sebenar transaksi dan melepaskan apaapa amaun pegangan tambahan dari akaun anda dalam masa tiga (3) hari bekerja selepas tarikh transaksi.
 - Pra-kebenaran jumlah transaksi di hotel dan hospital akan dikenakan semasa daftar masuk (bergantung kepada jangka hayat) dan jumlah sebenar akan disemak semula selepas penyelesaian dibuat oleh pihak saudagar. Jumlah prakebenaran akan ditentukan oleh saudagar pemeroleh dan akan pegang amaun sehingga tujuh (7) hari selepas tarikh transaksi.
- Kad Debit-i Maya ATLAS ini disekat untuk transaksi luar negara secara lalai (default). Anda mesti memilih untuk opt-in sebelum Kad anda boleh digunakan bagi transaksi luar negara.
- Anda mesti memaklumkan kepada kami dengan segera:
 - Apabila menerima amaran transaksi sekiranya transaksi tersebut tidak dibenarkan oleh anda; dan
 - Apabila terdapat sebarang perubahan nombor telefon anda.
- Sekiranya anda gagal mematuhi terma dan syarat Kad Debit-i anda, Bank berhak untuk menamatkan Kad anda.



Hubungi kami di:
03 - 2021 5888



Layari kami di:
[Kad Debit-i Maya ATLAS](#)



E-mel kami melalui:
ask@atlasmuamalat.com.my

Perakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- ☐ Saya mengakui Bank Muamalat Malaysia Berhad telah memberikan kepada saya salinan RPP.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RPP ini.

**Perakuan Pelanggan ke atas RPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk.*

Nama:

Tarikh:

NOTA PENTING:

SILA MAKLUMKAN KEPADA PIHAK BANK DENGAN SEGERA SEKIRANYA TERDAPAT TRANSAKSI PENYALAHGUNAAN KAD TERSEBUT.

Maklumat yang diberikan di dalam risalah pendedahan produk ini adalah sah berkuatkuasa: **13 Julai 2026**